

MITI DAY 2017

OBJEKTIF KESELURUHAN

Tujuan MITI Day 2017 diadakan adalah untuk **mempromosi peranan serta fungsi MITI dan agensi-agensi di bawah MITI kepada pelanggan serta orang ramai**. MITI Day 2017 juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara MITI serta agensi dengan orang ramai dan mempamerkan fungsi MITI dan agensi yang meliputi segenap aspek di dalam kehidupan seharian. Program MITI Day 2017 (Zon Pantai Timur) adalah berkonsepkan rakyat, dimana program kali ini dibahagikan kepada empat (4) konsep utama iaitu **Konsep Seranta (Outreach), Keusahawanan, Peluang Pekerjaan dan Pelaburan**. Antara **peranan MITI serta agensi** adalah :

- i) Merancang, menggubal serta melaksanakan dasar-dasar pembangunan industri, perdagangan antarabangsa serta pelaburan;
- ii) Menggalakkan pelaburan luar dan dalam negara;
- iii) Meningkatkan produktiviti serta kompetensi negara di dalam sektor pembuatan

IMPAK KESELURUHAN

Antara impak MITI Day 2017 kepada masyarakat adalah :

- i) Pelanggan dan masyarakat akan lebih mengenali fungsi serta peranan MITI dan agensi;
- ii) Mengurangkan jurang di antara agensi kerajaan serta rakyat, selaras dengan pendekatan kerajaan yang berteraskan perkhidmatan kepada rakyat;

SENARAI PROGRAM

Antara pengisian program yang terdapat di dalam MITI Day 2017 adalah seperti berikut :

Seranta (Outreach)

- i) *MITI & Agencies Showcase;*
- ii) *Dialog TN50 & Sesi Town Hall PKS bersama YB Dato' Sri Mustapa Mohamed* oleh Bahagian Perancangan Strategik MITI & SME Corp;
- iii) *Pameran Automotif – demonstrasi dan pelancaran kereta model baharu* oleh MAI;
- iv) *Persembahan Dikir Barat Berinformasi (Man Khan)*

Peluang Pekerjaan

- v) *Pameran Kerjaya & Sesi Temuduga Terbuka* oleh MIDA;

Keusahawanan

- vi) *Bumiputera Capsule* oleh Bahagian Keusahawanan Bumiputera & PKS MITI;
- vii) *Program Mari Nego Caro MITI, Pakat Mari Tanyo MITI dan Infodesk/Help Booth* anjuran MITI (ASEAN), MATRADE, HDC & JAKIM;
- viii) *Go-Global with Google* oleh Unit e-Commerce MITI;

Pelaburan

- ix) *Jom Labur* oleh Bahagian Keusahawanan Bumiputera & PKS MITI;
- x) *Seminar Peluang Pelaburan dan Pembangunan PKS Kelantan* oleh MIDA;

RINGKASAN MAKLUMAT PROGRAM

MITI & AGENCIES SHOWCASE

Objektif

MITI & Agencies Showcase akan menampilkan *booth* pameran oleh setiap agensi di bawah MITI. Pengunjung akan berpeluang melihat **success stories** MITI dan agensi yang dipaparkan di setiap *booth* serta boleh berinteraksi secara terus dengan pegawai yang bertugas di setiap *booth* bagi mendapatkan penerangan yang lebih lanjut berkenaan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh setiap agensi.

Pihak Terlibat

Pameran ini akan melibatkan penglibatan MITI dan setiap agensi di bawah MITI iaitu **MATRADE, MIDA, MIDF, HDC, MPC, MAI, SME CORP**, serta **SME BANK**.

Di samping menampilkan agensi-agensi di bawah MITI, **Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO)** serta sektor **e-Commerce** juga akan mempunyai *booth* pameran masing-masing untuk dikunjungi orang ramai. Selain itu, *booth* JPP Kelantan, Malaysia Rail Link – East Coast Rail Link (ECRL), FAMA dan Telekom Malaysia Berhad.

Tempat & Masa

Tarikh : 19 November 2017 (Ahad)

Masa : 9.00 pagi – 5.30 petang

Tempat : Foyer Lobi, Aras G & Foyer Aras 1
Grand River View Hotel
Kota Bharu, Kelantan

Kumpulan Sasaran

MITI & Agencies Showcase ini terbuka kepada orang ramai yang berkunjung ke MITI Day 2017.

DIALOG TN50 & SESI TOWNHALL PKS BERSAMA YB MENTERI MITI

Dialog TN50 & Sesi Townhall PKS Bersama YB Dato' Sri Mustapa Mohamed bertujuan untuk mengumpul pandangan serta aspirasi peserta dan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengenai agenda pembangunan perdagangan dan perindustrian Malaysia termasuk Industri 4.0, eDagang dan Zon Perdagangan Bebas Digital, serta inisiatif Kerajaan dalam pembangunan PKS di Malaysia. Yang Berusaha Encik Mohd Syahbuddin Hashim, Pengerusi Tetap Majlis Belia Malaysia & YDP Majlis Belia Kelantan adalah moderator untuk Dialog TN50 & Sesi Townhall PKS Bersama YB Dato' Sri Mustapa Mohamed. Penglibatan peserta tertumpu kepada PKS di Zon Pantai Timur, Persatuan-persatuan Industri, ahli akademik dan pelajar, Kementerian / Agensi yang berkaitan dengan pembangunan PKS, Organisasi Penyelidikan dan Badan-badan Bukan Kerajaan. Hasil daripada sesi ini akan disalurkan kepada Sekretariat TN50 di Kementerian Belia & Sukan dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Objektif

Objektif Dialog TN50 & Sesi Townhall PKS Bersama YB Dato' Sri Mustapa Mohamed adalah untuk mengumpul pandangan dan aspirasi dari para peserta MITI Day Kelantan dan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengenai mana mereka melihat Malaysia pada tahun 2050 terutamanya dalam bidang yang berkaitan dengan perdagangan dan industri khususnya:

- i) Apakah aspirasi untuk masa depan Malaysia dalam bidang di bawah bidang kuasa MITI?
- ii) Apakah jurang yang dilihat di antara Malaysia hari ini, dan agenda pembangunan perdagangan dan perindustrian Malaysia yang diimpikan pada tahun 2050?
- iii) Apakah inisiatif yang mungkin dimiliki yang dapat membantu Malaysia bergerak ke arah aspirasi perdagangan dan perindustrian yang anda miliki untuk MITI dan Malaysia?

Peserta juga memberikan aspirasi menggunakan aktiviti '*Vote it*' dan '*Post it*' pada tujuh teras TN50 iaitu:

1. Malaysia di Mata Dunia,
2. Alam Sekitar,

3. Gaya Hidup,
4. Pendidikan,
5. Ekonomi,
6. Tadbir Urus Negara
7. Nilai Murni.

Yang Berusaha Encik Mohd Syahbuddin Hashim, Pengerusi Tetap Majlis Belia Malaysia & YDP Majlis Belia Kelantan adalah moderator bersama untuk Dialog TN50 & Sesi Townhall PKS Bersama YB Dato' Sri Mustapa Mohamed.

Tempat & Masa

Tarikh : 19 November 2017 (Ahad)
Masa : 10.30 pagi – 11.30 pagi
Tempat : Dewan Putri Sa'adong,
Aras 1, Hotel Grand River View

Kumpulan Sasaran

- i) Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Zon Pantai Timur
- ii) Peserta MITI Day Kelantan 2017

Penglibatan

- Penglibatan tertumpu kepada Usahawan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) di Zon Pantai Timur.
- Selain itu, penglibatan juga adalah daripada Persatuan-persatuan Industri, ahli akademik dan pelajar (IPTA dan IPTS di Zon Pantai Timur), syarikat-syarikat Multinasional Malaysia, Kementerian / Agensi yang berkaitan dengan MITI, Organisasi Penyelidikan dan Badan-badan Bukan Kerajaan.

Impak

Hasil dari sesi ini akan disalurkan kepada Sekretariat TN50 di Kementerian Belia & Sukan dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

PAMERAN KERJAYA DAN TEMUDUGA TERBUKA ANJURAN MIDA

Objektif

Menghubungkan majikan-majikan yang berpotensi dengan individu-individu yang sedang mencari pekerjaan atau mereka yang tergolong di dalam kalangan pelajar universiti tahun akhir yang bakal bergraduasi dalam masa terdekat. Program ini akan mengumpulkan bakal-bakal pekerja yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan serta kemahiran dengan majikan yang terdiri daripada syarikat-syarikat multinasional dan tempatan di dalam pelbagai industri.

Pihak majikan yang terlibat juga berpeluang untuk mengadakan sesi temuduga secara terus di ruangan khas yang disediakan semasa MITI Day 2017 berlangsung.

Tempat & Masa

Tarikh : 19 November 2017 (Ahad)
Masa : 9.00 pagi – 5.30 petang
Tempat : Foyer Aras 1, Dewan Wau dan Dewan Congkak, Aras 1,
Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan

Kumpulan Sasaran

- i) *Jobseekers*; dan
- ii) Pelajar universiti tahun akhir yang bakal bergraduasi

Jobseekers digalakkan untuk berpakaian kemas dan membawa resume terkini kerana temuduga terbuka juga akan dijalankan. Pendaftaran dalam talian kini dibuka di <http://pamerankerjayamidakb17.mida.gov.my>

Penglibatan

Dianggarkan sekitar **26 syarikat multinasional dan tempatan** dari sektor perkhidmatan dan pembuatan akan terlibat sebagai *exhibitor* yang menawarkan lebih **2,500 peluang kerjaya** di pelbagai peringkat terutamanya peringkat eksekutif dan profesional. Antara syarikat-syarikat yang telah bersetuju untuk menyertai Pameran Kerjaya dan Temuduga Terbuka ini adalah **Silterra, Inari Amertron, Ain Medicare, Malaysia Rail Link, Gardenia, Yakult, Coca-Cola, D&Y Textile, Rubberflex Sdn Bhd, Admal Aviation College, UPC Chemicals, JTK Negeri Kelantan, ASJ**

Components, Tok Bali Supply Base, Kilang Makanan MAMEE, Rohm-Wako Electronics, QSR Brands, V.S Industry, Konsortium E-Mutiara, Nationwide Express dan Lulu Group Retail.

Impak

- i) Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan MITI dan MIDA serta impaknya terhadap masyarakat yang merangkumi penyelesaian kepada masalah pengangguran; dan
- ii) Peluang untuk meluaskan jaringan di antara *jobseekers*, syarikat multinasional dan tempatan membincangkan peluang-peluang pekerjaan yang sedia ada

MITI PAMERAN AUTOMOTIF

Objektif

Pengisian program ini di dalam MITI Day 2017 adalah bertujuan untuk mempromosi industri automotif sebagai salah satu sektor yang berada di bawah pemantauan MITI serta agensi. Pada masa yang menyediakan platform bagi penjual kenderaan di sekitar Kelantan untuk mempromosikan jenama masing-masing. Pameran kali ini akan turut mewar-warkan **success stories** pemilik bengkel yang melalui program *Workshop Transformation Programme* (WTP) yang dikendalikan oleh MAI. Selain itu, satu sesi sembang santai dengan kerjasama program Kapsul Bumiputera akan memberi peluang kepada salah satu daripada pemilik bengkel tersebut untuk berkongsi pengalaman dan mempromosikan insentif dan bantuan yang disediakan oleh MITI dan Agensi.

Penglibatan

Program ini akan melibatkan :

- i) *Autoshow* – Tujuan pameran ini diadakan bagi memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai visi Malaysia untuk menjadi hub pengeluar serantau bagi kenderaan cekap tenaga dan sebagai satu platform bagi memperkenalkan kenderaan cekap tenaga dan teknologi-teknologi baharu.
 - Terbuka kepada semua pengunjung.
 - Syarikat yang akan menyertai pameran – PROTON, PERODUA & HONDA.

- ii) *Pelancaran & Demonstrasi Model Kenderaan Baharu* – Memberi kelainan kepada MITI Day kali ini, pelancaran Model Kenderaan Baharu akan dilaksanakan di perkarangan Laman Utama Hotel Grand Riverview.
 - Terbuka kepada semua pengunjung
 - Pengunjung akan dapat melihat dan mempelajari ciri-ciri keselamatan yang ada serta teknologi-teknologi baharu yang ada pada model kenderaan yang akan dilancarkan.

Kumpulan Sasaran

Kumpulan sasaran program ini adalah :

- i) Orang awam
- ii) Pelajar sekolah/universiti
- iii) Usahawan dan Pemain Industri

Tempat & Masa

Tarikh : 19 November 2017 (Ahad)

Masa : 9.00 pagi – 5.30 petang

Tempat : Perkarangan Hotel Grand River View

PROGRAM ANJURAN MITI, MATRADE, HDC & JAKIM

PROGRAM 1: 'MARI NEGO CARO MITI'

Program '**Mari Nego Caro MITI**' berbentuk sebuah forum yang akan berlangsung selama 2 jam bermula dari 2.30 sehingga 4.30 petang. Ianya akan disertai oleh seorang Moderator dan wakil-wakil panel dari MITI, MATRADE dan HDC dengan diiringi oleh wakil JAKIM negeri Kelantan serta disertai juga oleh wakil syarikat yang telah berjaya dari zon timur. Pemilihan tajuk 'Mari Nego Caro MITI' adalah bertujuan untuk menarik minat dan perasaan ingin tahu serta mudah difahami oleh usahawan-usahawan serta pelawat-pelawat dari negeri Kelantan yang terdiri dari pelbagai golongan. Secara umumnya, program ini menyampai dan membincangkan mengenai bantuan MITI dan agensi dalam usaha membangun dan memajukan usahawan-usahawan tempatan termasuk dari zon timur untuk ke suatu peringkat yang lebih tinggi. Tumpuan juga akan diberi kepada pensijilan Halal bagi pasaran ASEAN.

Objektif

- a) Menyampaikan maklumat dan bimbingan perniagaan oleh MITI, MATRADE, HDC dan JAKIM khususnya kesedaran, pemahaman dan pendedahan tentang kepentingan Pensijilan Halal, pengetahuan asas untuk mengeksport serta syarat-syarat untuk menerokai pasaran-pasaran yang berpotensi di ASEAN.
- b) Menilai kesediaan usahawan ke arah mendapatkan Pensijilan Halal, kesediaan untuk mengeksport serta menilai kesediaan usahawan untuk mengeksport ke negara-negara ASEAN dengan mengambil kira kapasiti produk dan perkhidmatan sedia ada.
- c) Menggalakkan lebih banyak penyertaan usahawan dalam industri Halal negara, memupuk minat untuk mengeksport khususnya ke negara-negara ASEAN.

Impak dan Faedah

Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan para usahawan dan pengunjung mengenai fungsi dan perkhidmatan MITI dan Agensi dalam membangunkan usahawan di seluruh Malaysia.

Pegawai Terlibat

- Moderator : **Tuan Haji Md Silmi Abd Rahman**
Pengarah Kanan, Bhg Transformasi & Perdagangan
Digital, MATRADE
- Panel 1 : **Puan Mastura Ahmad Mustafa**
Pengarah Kanan, Bhg Integrasi Ekonomi ASEAN, MITI
- Panel 2 : **Encik Mansor Shah Wahid**
Timbalan Pengarah, Unit Pembangunan Pengeksport
Bumiputera, Wanita dan Belia (BWYEDP), MATRADE
- Panel 3 : **Puan Zalina Idris**
Pengurus, Pembangunan Industri, HDC
(Diiringi Pegawai JAKIM Kelantan)
- Panel 4 : **Tuan Haji Zakaria Jusoh (Icon Usahawan Berjaya)**
Founder, MGV Industries Sdn Bhd

Tempat & Masa

Dewan Selampit 1, Hotel Grand Riverview, Kota Bharu Kelantan

Tarikh : 19 November 2017

Masa : 2.30 - 4.30 petang

Jumlah Penunjung : +/- 60 peserta

Sasaran: Semua usahawan dan pengunjung ke MITI Day Zon Timur 2017.

PROGRAM 2: 'PAKAT MARI TANYO MITI!'

Program ini merupakan program klinik bimbingan yang akan bermula pada 3.30 hingga 5.30 petang. Pengunjung boleh mendapatkan khidmat nasihat berkaitan perniagaan dan perdagangan khususnya perkara-perkara berkaitan pembangunan eksport, pensijilan halal serta cara-cara menembusi pasaran ASEAN. Program ini memfokuskan penyampaian maklumat dan bimbingan secara lebih terperinci yang meliputi syarat-syarat dan peraturan, dokumen yang diperlukan dan perkara-perkara berkaitan pensijilan halal, eksport dan penerokaan ke negara-negara ASEAN. Program ini juga akan mengenalpasti syarikat-syarikat berpotensi untuk menyertai

program-program pembangunan pengeksport MATRADE. Ianya juga memberi peluang kepada usahawan-usahawan zon timur untuk bertemu MITI dan Agensi secara lebih dekat melalui sesi rundingan *one-to-one* antara usahawan dan pegawai-pegawai bertugas dari MITI, MATRADE dan HDC.

Impak dan Faedah

Pengunjung akan lebih mengetahui secara lebih mendalam mengenai aspek-aspek teknikal dan dokumen-dokumen yang diperlukan dalam pensijilan Halal, cara-cara mengeksport serta syarat, peraturan dan cabaran untuk mengeksport ke negara-negara ASEAN.

Pegawai Terlibat: Pegawai-pegawai dari MITI, MATRADE dan HDC

Tempat & Masa

Dewan Selampit 2, Hotel Grand Riverview, Kota Bharu Kelantan

Tarikh : 19 November 2017

Masa : 3.30 - 5.30 petang

Sasaran: Semua usahawan dan pengunjung ke MITI Day Zon Timur 2017.

PROGRAM 3: HELPDESK / INFO BOOTH

Gerai/Kaunter maklumat secara umum akan dibuka melibatkan MITI, MATRADE dan HDC dengan fokus menyampaikan informasi secara menyeluruh mengenai fungsi dan bantuan yang ditawarkan oleh MITI dan Agensi kepada usahawan-usahawan di seluruh Malaysia. Selain itu, kaunter informasi MATRADE juga akan mempamerkan produk-produk dan menempatkan seorang wakil syarikat zon timur yang telah berjaya (cadangan: Secretleaf International Sdn Bhd) dalam bidang perniagaan dan eksport melalui program-program pembangunan MATRADE yang telah disertai seperti Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP).

Impak dan Faedah

Memberi maklumat secara asas mengenai fungsi dan perkhidmatan yang telah dilaksanakan dan ditawarkan oleh MITI dan Agensi kepada segenap lapisan masyarakat khususnya pengunjung ke MITI Day Zon Timur 2017.

Pegawai Terlibat: Pegawai-pegawai dari MITI, MATRADE, HDC dan Wakil Usahawan Berjaya Zon Timur.

Tempat & Masa

Aras 1, Hotel Grand Riverview, Kota Bharu Kelantan

Tarikh: 19 November 2017

Masa : 10.00 pagi hingga 4.30 petang

Sasaran: Semua usahawan dan pengunjung ke MITI Day Zon Timur 2017.

GO GLOBAL WITH GOOGLE

Program 'Go Global Malaysia' yang telah dilancarkan pada 15 Mac 2017 oleh YB Menteri MITI merupakan usahasama di antara MITI bersama Google, termasuk rakan industri lain iaitu Alliance Bank, Mastercard dan Maxis bertujuan membantu PKS tempatan untuk mengaplikasi teknologi digital Google bagi tujuan menerokai pasaran global. Golongan usahawan *online* di Kelantan secara umumnya akan diberi penerangan dan latihan berkaitan teknik pemasaran melalui aplikasi digital Google, platform-platform pembayaran digital serta penggunaan penyelesaian digital seperti aplikasi *wireless/mobile* dalam transaksi perniagaan. Bertepatan dengan aspirasi ke arah mewujudkan masyarakat tanpa tunai (*cashless society*), para peserta turut akan diberi taklimat khas oleh Bank Negara Malaysia mengenai penggunaan sistem pembayaran tanpa tunai.

Objektif

- (i) Memperkasakan PKS di Malaysia untuk mengembangkan perniagaan mereka dia dalam ekonomi digital serta menggalakkan eksport antarabangsa, dan berkembang menjadi syarikat kompetitif di peringkat global;
- (ii) Memberikan pendedahan kepada PKS di Malaysia mengenai ekosistem ekonomi digital dan peluang-peluang yang boleh dicapai untuk mengembangkan perniagaan mereka; dan
- (iii) Memberikan galakan kepada PKS tempatan untuk mengambil peluang didalam sektol ekonomi digital termasuklah eDagang.

Tempat & Masa

Tarikh : 19 November 2017 (Ahad)
Masa : 9.00 pagi – 5.30 petang
Tempat : Dewan Lido, Aras G
Grand River View Hotel
Kota Bharu, Kelantan

Kumpulan Sasaran

Program ini mensasarkan seramai 100-150 peserta yang terdiri dari:

- (i) PKS di wilayah Timur;
- (ii) IPT-IPT yang mengaplikasi teknologi digital khususnya Google; dan

- (iii) usahawan dan bakal usahawan yang berminat untuk menambah pengetahuan dalam bidang teknologi digital.

Maklumat lanjut mengenai program ini boleh dicapai di <https://get.google.com/mygoglobal/tools.html>.

BUMIPUTERA CAPSULE

Kapsul Bumiputera merupakan program khusus MITI untuk mendedahkan dan mempromosi program dan aktiviti berkaitan pembangunan usahawan Bumiputera yang dilaksanakan oleh MITI dan agensi selaras dengan agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB). Kapsul ini akan menempatkan:

- (i) *gallery walk* mengenai pencapaian agenda PEB MITI dan program-program *flagship* MITI dan Agensi;
- (ii) kaunter informasi seperti Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti (SC), Koperasi Remisier Bumiputera, BIMB Securities dan Asri Ahmad Academy yang bertujuan mendedahkan pengunjung kepada pelaburan ekuiti; dan
- (iii) *showcase* jaguh nasional/serantau/global di bawah program pembangunan vendor dan usahawan berjaya di bawah program-program MITI dan agensi.

Di antara aktiviti-aktiviti yang akan diadakan adalah:

- (i) *pit stop* MITI dan agensi untuk mempromosi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada usahawan Bumiputera;
- (ii) sesi perkongsian ilmu mengenai pelaburan saham dan ekuiti; dan
- (iii) kuiz usahawan serta aktiviti tarikan pengunjung.

Kumpulan Sasaran

- Usahawan Bumiputera;
- Vendor Bumiputera (VDP);
- Tiers MITI;
- Pelabur (Individu/Syarikat) Bumiputera yang berdaftar dengan MITI (Zon Timur); dan
- Orang Awam.

Tempat & Masa

Tarikh : 19 November 2017 (Ahad)
Masa : 9.00 pagi – 5.30 petang
Tempat : Foyer Aras M2 & Dewan Selampit 1, Aras M2

JOM LABUR @ MITI , 2.30 – 4.30 PETANG

Pengenalan

Program berbentuk seminar ini adalah anjuran bersama Seksyen Saham dan Ekuiti Bumiputera, MITI dan Moderator Pelaburan No. 1 di Malaysia, Haji Asri Haji Ahmad dengan kerjasama Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Koperasi Remisier Bumiputera. *Talking Session* selama 2 jam ini akan memberikan dimensi baharu, perkongsian tips serta kemahiran mengenai pelaburan saham dalam misi memperkasakan pemilikan ekuiti di kalangan Bumiputera. Aspek seperti analisis asas dan kemahiran teknikal dalam pelaburan di pasaran saham akan turut dikongsi.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk:

- i) mendedahkan strategi yang betul dalam pelaburan saham;
- ii) mempelajari kaedah pengurusan kewangan dan mengawal risiko dalam pelaburan;
- iii) menerangkan mengenai *technical analysis* (bacaan graf saham, candlestick, etc);
- iv) memberi pendedahan dan peluang kepada pelabur sedia dan bakal pelabur mengaut ilmu dan kemahiran daripada mentor pelaburan no. 1 di Malaysia; serta
- v) mendedahkan pendedahan mengenai peluang-peluang yang ada kepada pelabur Bumiputera mengenai alternatif pemilikan saham.

Impak

- i) Melahirkan lebih ramai pelabur Bumiputera berkepakaran dan berkemahiran dalam setiap aspek pelaburan di pasaran saham; dan
- ii) Meningkatkan sikap pemilikan ekuiti jangka panjang di kalangan pelabur Bumiputera.

Tempat & Masa

Tarikh : 19 November 2017 (Ahad)

Masa : 2.30 petang – 4.30 petang

Tempat : Dewan Putri Sa'adong 2 & 3, Hotel Grand River View

Kumpulan Sasaran

- i) Pelabur-pelabur berdaftar di Kelantan dan Terengganu;
- ii) Pelajar universiti (jurusan perniagaan/ekonomi); dan
- iii) Orang ramai yang berkunjung ke MITI Day (Zon Pantai Timur) 2017

SEMINAR PELUANG PELABURAN & PEMBANGUNAN PKS KELANTAN

- MIDA mengambil maklum tentang maklumbalas Y.B. Menteri berkenaan seminar anjuran MIDA untuk sesi “ Sektor Pembinaan & Bekalan Bahan Binaan”.
- MIDA bersetuju dengan maklumbalas daripada Y.B. Menteri, dan MIDA telah bercadang untuk menukar sesi berkenaan kepada “Sektor Pembinaan & Infrastruktur”.
- Untuk sesi baharu ini tiada lagi pembabitan panel dari Perbadanan PR1MA. Slot ini akan digantikan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan.
- Fokus sesi perbincangan oleh JPP Kelantan akan tertumpu kepada projek-projek infrastruktur seperti Rel Pantai Timur, Rangkaian lebuh raya di Kelantan dan perumahan rakyat yang diperuntukan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah RMK11.
- Berdasarkan maklumat JPP Kelantan sebanyak 339 projek dengan nilai mencecah RM1.0 bilion telah diperuntukan untuk negeri Kelantan di bawah RMK11.
- Cadangan aturcara program ini adalah seperti di Lampiran 1.

Objektif

- Seminar ini merupakan sesi perbincangan ahli panel berkaitan peluang-peluang pelaburan dan pembangunan perniagaan untuk usahawan-usahawan tempatan dan perusahaan kecil & sederhana (PKS) bagi sektor pembinaan & infrastruktur dan pengeluaran makanan.
- Untuk sektor pembinaan & infrastruktur, JPP Kelantan akan berkongsi maklumat tentang projek Rel Pantai Timur, rangkaian lebuh raya & perumahan rakyat yang telah diluluskan oleh kerajaan Persekutuan untuk negeri Kelantan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah RMK11. Manakala PPA1M pula akan berkongsi maklumat berkaitan projek-projek perumahan untuk penjawat awam yang telah dikenalpasti untuk negeri Kelantan & Pantai Timur.
- Usahawan-usahawan tempatan dan PKS akan mendapat pendedahan berkenaan:

1. Peluang-peluang yang bakal diperolehi melalui projek-projek infrastruktur bagi perkembangan perniagaan dan peluang penyertaan di dalam projek-projek berkaitan.
 2. Inisiatif dan insentif daripada kerajaan didalam menggalakan peningkatan penggunaan sistem binaan berindustri (IBS) untuk projek-projek pembinaan.
 3. Konsep persekitaran & senibina bercirikan Islam.
- Untuk sektor pengeluaran makanan, pengusaha-pengusaha tempatan dan PKS akan didedahkan dengan:
 1. Peluang pembekalan & pemasaran produk kepada rangkaian pasaraya besar; dan kriteria yang perlu dipatuhi.
 2. Kaedah penyediaan produk yang mematuhi konsep “Halalan Toyyiban”.
 3. Peluang pembangunan keusahawanan produk berasaskan teknologi pertanian.

 - Para peserta juga akan berpeluang untuk mendapat penerangan dan penjelasan lebih mendalam daripada institusi-institusi kewangan bagi tujuan pembiayaan dan kemudahan pinjaman yang disediakan untuk memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan.

Tempat & Masa

Tarikh : 20 November 2017 (Isnin)

Masa : 8.30 pagi – 4.30 petang

Tempat : Dewan Putri Sa'adong, Aras 1, Hotel Grand River View

Pihak Terlibat

- Seminar ini akan melibatkan:
 1. MIDA sebagai penganjur utama.
 2. Agensi pembinaan JPP Kelantan, PPA1M & CIDB
 3. Institusi Penyelidikan MARDI, USIM & UPM
 4. Pasaraya Besar LULU & G-Orange
 5. Institusi Kewangan CIMB, Maybank, Agro Bank & Affin Bank

Kumpulan Sasaran

- Dianggarkan seramai 300-400 peserta akan menghadiri seminar ini yang terdiri daripada:
 1. Ahli-ahli REHDA negeri Kelantan
 2. Pengusaha-pengusaha produk PKS
 3. Dewan Perniagaan Melayu/China/India Kelantan
 4. Pengusaha-pengusaha makanan
 5. Pengilang & Pengeluar bahan binaan berindustri (IBS)

PROGRAM-PROGRAM SAMPINGAN

Terdapat beberapa program dan tarikan sampingan sempena MITI Day 2017, antaranya :

- i) *Food Truck* –
 - Dianggarkan sebanyak 8 food truck terlibat sepanjang MITI Day 2017 berlangsung;
 - Ditempatkan di Perkarangan Hotel Grand River View.
- ii) Cabutan bertuah yang menawarkan hadiah-hadiah menarik seperti –
 - 4 tiket penerbangan ke negara ASEAN, 2 buah motosikal, barangan elektrik dan 10 buah basikal dan pelbagai hadiah menarik.
- iii) Pameran e-Dagang (*e-Commerce*)